



- Kata ganti nama diri ialah kata yang digunakan untuk menggantikan kata nama orang.
- Kata ganti nama diri terbahagi kepada beberapa jenis seperti:
 - Kata ganti nama diri pertama – *saya, aku, beta, hamba, kami, kita*
 - Kata ganti nama diri kedua – *awak, kamu, engkau, anda, tuanku, kalian*
 - Kata ganti nama diri ketiga – *dia, ia, beliau, baginda, mereka*
 - Kata ganti diri singkat – *kau, ku, mu, dan nya*
- Kata ganti nama diri terbahagi kepada bentuk tunggal dan bentuk jamak.
- Kata ganti nama diri bentuk tunggal ialah perkataan yang merujuk diri sendiri seperti *aku, saya, beta, patik*, dan sebagainya.
- Kata ganti nama diri bentuk jamak ialah perkataan yang merujuk diri sendiri bersama-sama dengan orang lain seperti *kami, kita, mereka*, dan sebagainya.
- Kata ganti nama diri singkat tidak boleh dijarakkan daripada kata yang menyertainya.

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- "Eh, awalnya _____ tiba!" kata Doktor Mimi kepada pembantunya apabila melihat beberapa orang pesakit sedang menunggu di bilik menunggu kliniknya.
 A dia C mereka
 B awak D kalian
- Encik Shamil didenda atas kesalahan membuang sampah semasa _____ melancong ke sebuah negara jiran.
 A saya C mereka
 B dia D beliau
- "Hamba tidak menyangka bahawa _____ menderhaka kepada sultan," kata Hang Tuah kepada rakan baiknya, Hang Jebat.
 A hamba C baginda
 B beta D tuan hamba
- "Semasa batuk, _____ hendaklah menutup mulut dan hidung dengan sapu tangan ini," kata ibu kepada Azlan.
 A awak C anda
 B kamu D engkau
- "Saya dan Helen pernah mengamalkan diet yang ketat kerana hendak menurunkan berat badan, tetapi hasilnya badan _____ yang lesu," kata Mira dan Helen kepada Aida.
 A saya C kami
 B kita D kalian
- Selepas pulang dari pejabat, Encik Halim ke bilik anak-anaknya untuk berbual-bual dengan _____.
 A dia C nya
 B kalian D mereka
- Raja Alam Shah masyghul kerana puteri _____ menghidap penyakit misteri.
 A beta C beliau
 B baginda D tuan hamba
- "Projek ini akan _____ siapkan hujung bulan ini," kata Amir dan Naufal kepada Cikgu Alam.
 A kita C kami
 B saya D anda

Praktis PT3 Bahagian B

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Ibu bapa haruslah memupuk budaya membaca dalam diri anak-anak semenjak dia kecil lagi.

2. "Kita ingin mengetahui tarikh dan tempat pengagihan bantuan kemanusiaan ini," kata beberapa orang wartawan kepada pegawai itu.

3. "Sofa yang berwarna putih ini sangat mahal kerana ianya diimport dari luar negara," kata jurujual itu kepada Encik Ali dan isterinya.

4. "Aku mengucapkan terima kasih kepada para belia Kampung Kok Pauh yang sudi datang pada pagi ini," kata ketua kampung.

5. "Sunyi saja rumah kamu. Mana adik dan kakak mu," tanya Hawa kepada Alesya.
